

29/04/2003

The Economist mungkin ada agenda tersembunyi

Abu Hassan Adam

PADA tahun 1960-an, kita dikejutkan dengan tulisan Alex Josey yang mengatakan 'orang Melayu keturunan lanun'. Tulisan itu adalah satu keadaan seperti halilintar membelah bumi bagi orang Melayu. Dipandang sekali imbas tentu ia adalah satu penghinaan kepada orang Melayu. Seluruh masyarakat Melayu gempar pada ketika itu. Pejuang nasionalis pada ketika itu menyatakan bantahan yang bukan kepalang kepada Kerajaan Singapura yang mana rencana itu disiarkan oleh akhbar di Singapura di bawah pimpinan Lee Kuan Yew.

Bagi masyarakat umum, tidak kelihatan apakah motif yang jelas daripada penyiaran berita berkenaan, selain melayan perasaan yang membara setiap kali membaca komen mengenai penyiaran berita berkenaan.

Kita tidak tahu apakah agenda yang tersembunyi di sebalik kenyataan itu.

Apa yang dapat dirasakan ialah rentetan daripada peristiwa itulah yang seterusnya berpanjangan sehingga membawa kepada perpisahan Singapura daripada Malaysia, walaupun ia bukan faktor utama yang membawa kepada perpisahan itu.

Kini kita dikejutkan pula dengan rencana yang dihidangkan oleh majalah The Economist keluaran 5 April lalu, yang memburuk-burukkan kepemimpinan negara, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rakyat negara ini walaupun tidak akan terpedaya dengan dakwah sedemikian, namun bagi pembaca yang tidak melihatnya secara kritikal pasti

terpedaya juga dengan idea yang disampaikan itu.

Dan yang paling penting untuk difikirkan ialah apakah agenda tersembunyi

yang menyebabkan penyiaran rencana sedemikian. Apakah ada 'tangan ghaib' yang mengarahkan agar dicontengkan arang di muka pemimpin kita untuk kepentingan pihak tertentu. Atau mungkinkah 'geletekan' itu hanya untuk menguji ketahanan kita - sama ada kita akan melatah atau tidak dengan 'geletekan' itu.

Walau apa pun alasannya, pemimpin kita tidak akan berdiam diri dengan penyiaran berita berkenaan. Berita itu pastinya menyentuh maruah dan kredibiliti pemimpin kita. Ia pasti ditentang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengulas perkara itu berkata, tindakan majalah The Economist mengkritik keras kepemimpinan serta mendesak Dr Mahathir meletak jawatan adalah biadab dan tidak dapat diterima.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, tindakan mengkritik dasar kerajaan serta kepemimpinan Dr Mahathir jelas menunjukkan cara pemikiran 'stereotype' wartawan terbabit yang belum sebulan berada di negara ini.

"Kita juga percaya rencana berkenaan ditulis oleh seseorang yang tidak dapat memahami dengan jelas langkah kerajaan, termasuk pelaksanaan beberapa projek mega," katanya.

Dari situ, penjurur kita diserang oleh The Economist dan dari penjurur yang lain akhbar Asian Wall Street Journal (AWSJ) pula menyiarkan gambar yang tertulis nama Dr Mahathir di bawahnya, sedangkan gambar yang disiarkan itu bukan gambar Perdana Menteri. Ini adalah satu kesilapan yang seolah-olah disengajakan. AWSJ tidak seharusnya melakukan kesilapan yang begitu ketara. Dan tentulah kita bersetuju apabila Jabatan Perdana Menteri

menghantar bantahannya kepada Pengarah Serantau AWSJ, Reginald Chua.

Sekali lagi ingin diketengahkan persoalan, apakah ada agenda tersembunyi

di sebalik 'pendedahan' yang dilakukan oleh akhbar/majalah berkenaan?

Kita faham bahawa setiap berita atau makalah yang tersiar pasti mempunyai tujuan tertentu. Sama ada ia benar-benar untuk menyampaikan maklumat sebenar atau mungkin mempunyai agenda terselindung.

Saya tertarik dengan kenyataan John Pilger dalam bukunya yang bertajuk Hidden Agendas (1988). Beliau ada menyatakan: "Having spent much of my life as a reporter in places of upheaval, including many of the wars of the century, I have become convinced that it is not enough for journalist

to see themselves as mere messengers, without understanding the hidden agendas of the message and the myths surround it."

Negara yang sedang membangun seperti Malaysia sering menjadi mangsa kepada penulisan wartawan yang tidak bertanggungjawab. Mereka tidak peduli

apakah kesan dan akibat daripada bahan tulisan yang mereka hasilkan itu. Yang penting bagi mereka ialah matlamat mereka tercapai.

Wartawan yang tidak bertanggungjawab akan memutarbelitkan apa juga berita demi kepentingan mereka atau kepentingan 'boss' mereka.

Sejarah banyak membuktikan hakikat ini. Misalnya, seorang penulis sejarah bernama Lord Haily telah memutarbelitkan sejarah Malaysia dengan menyatakan bahawa Tanah Melayu (Malaya) 'was ceded by local Sultans and voluntarily applied for British protection. There was no invasion; the people were not subjugated.'

Tindakan biadab penulis yang tidak bertanggungjawab ini tentunya akan memberi kesedaran kepada kita rakyat Malaysia pentingnya menguasai media demi untuk menguasai sesuatu keadaan.

Berita peperangan di Iraq yang berlaku baru-baru ini dikuasai oleh CNN dan BBC.

Bagi mereka yang tidak menapis berita yang disiarkan oleh CNN tentunya akan mempercayai bulat-bulat apa yang dihidangkan oleh saluran itu mengenai kejadian yang berlaku di Iraq. Mereka akan melaporkan apa yang difikirkan baik dan memanfaatkan pihak bersekutu Amerika dan Britain serta

memburuk-burukkan apa saja yang ada kaitan dengan Iraq dan orang Islam.

Peristiwa ini juga mengajar kita supaya berfikir dengan kritikal terhadap berita yang terhidang. Kita tidak harus menerimanya dengan cara bulat-bulat. Kita harus menapisnya dan memikirkan sama ada betul atau tidak berita yang dihidangkan itu. Sebaik-baiknya elok kita membaca juga berita dari sumber lain agar dapat dibandingkan kesahihan sesuatu berita itu.

ABU HASAN ADAM,

Shah Alam, Selangor.